



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 19 APRIL 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAFI TAMBAH BAIK DASAR AGROMAKANAN, BH-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MAFI
2.	KALAU RAJIN BOLEH DAPAT RM 1800, LOKAL, HM-13	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## MAFI TAMBAH BAIK DASAR AGROMAKANAN

April 17, 2022 @ 10:02pm



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr Seri Ronald Kiandee (kanan) beramah mesra dengan sebahagian asnaf pada majlis penyampaian sumbangan kepada masjid dan surau kawasan Sugut di Pejabat Daerah Kecil Paitan, Sabah, hari ini. - Foto BERNAMA

**PAITAN:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menambah baik dasar agromakanan sedia ada bagi memastikan kemampunan bekalan makanan negara berasaskan faktor yang mencabar pengeluaran bahan makanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata langkah itu penting bagi merencanakan sektor berkenaan menerusi pertumbuhan industri, selain memperkenalkan dasar baharu yang akan menggalakkan penanaman tanaman yang sebelum ini tidak diberi tumpuan.

"Antaranya penanaman jagung bijirin untuk menampung kekurangan bekalan dan kenaikan kos import.

"MAFI sentiasa melihat dan mengkaji dasar sedia ada dan menumpukan penambahbaikan dasar, maka kita berharap pembukaan semula kegiatan ekonomi (dalam fasa peralihan negara ke endemik) akan terus merencanakan sektor agromakanan," katanya di sini, malam ini.

Beliau ditemui pemberita pada majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan kepada surau dan masjid di Sugut dekat sini.

Ronald berkata, kementeriannya sentiasa menggalakkan pertumbuhan industri agromakanan dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 akan menumpukan pemodenan sektor agromakanan serta pertumbuhan industri hiliran menjelang 10 tahun akan datang. – BERNAMA



19 APR, 2022

## Kalau rajin boleh dapat RM1,800

Harian Metro, Malaysia

### CARA MAIWP BANTU MISKIN BANDAR

# Kalau rajin boleh dapat **RM1,800**

Oleh Mahaizura Abd Malik  
 malaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bukan hanya memberikan 'ikan', sebaliknya agensi yang menyalurkan bantuan kepada asnaf kini membuat anjakan dengan menyediakan 'mata pancing' bagi memastikan

kelangsungan golongan itu. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) antara contoh agensi yang memperkenalkan modul baharu, pertanian bandar kepada asnaf yang berminat mengusahakannya.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP Mohd Nizam Yahya berkata, program berkenaan di bawah satu daripada 30 skim bantuan yang ditawarkan dalam kluster

pertanian.

"Kalau dulu orang kata Kuala Lumpur ini susah hendak dapat bantuan pertanian kerana tiada tanah, tetapi sekarang kita sudah ada.

"Melalui modul pertanian moden, kita bangunkan tanah kosong

yang kita ada dan pilih asnaf yang masih kuat dan bertenaga untuk mengusahakan pertanian.

**“Hasil pertanian itu akan dipasarkan kepada Fama dan rakan agensi strategik Mohd Nizam**

"Hasil pertanian itu kita akan pasarkan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan rakan agensi strategik kita," katanya.

Katanya, bukan hanya benih, baja serta peralatan pertanian disediakan, malah asnaf yang mengusahakan projek pertanian itu akan turut diberikan pendapatan antara RM1,500 hingga RM1,800 sebulan.

"Kita sediakan semua termasuk diberi gaji cuma mereka bantu kita uruskan dengan mengikut prosedur penanaman yang betul supaya sayuran atau hasil pertanian

yang ditanam itu segar dan dalam keadaan yang baik.

"Terbaru kita rancang menanam cendawan dengan kerjasama syarikat DNX yang akan menyediakan benih dan membina apabila cendawan itu matang.

"Ini antara cara bagaimana kita hendak bangunkan ekonomi asnaf itu menerusi pekerjaan supaya mereka boleh bertahan," katanya.



19 APR, 2022

## Kalau rajin boleh dapat RM1,800

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

#### CARA MAIWP BANTU MISKIN BANDAR

Kuala Lumpur Bukan hanya memberikan 'i k a n', sebaliknya agensi yang menyalurkan bantuan kepada asnaf kini membuat anjakan dengan menyediakan 'mata pancing' bagi memastikan

kelangsungan golongan itu. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) antara contoh agensi yang memperkenalkan modul baharu, pertanian bandar kepada asnaf yang berminat m e n g u s a h a k a n n y a .